

IPMB anjur lawatan untuk kongsi ilmu

UB 26-1-2014 81

SEBAGAI sebahagian aktiviti Projek Penambahbaikan Stok Udang Galah dan Kempen Kesedaran Sungai Petagas, Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Lawatan Pentadbiran Kampung Sungai Petagas ke institut berkenaan baru-

baru ini.

Lawatan yang melibatkan 30 penduduk kampung itu disambut oleh Pengarah IPMB UMS Prof Dr Saleem Mustafa.

Beliau dalam dalam ucapan aluannya berkata, objektif utama penganjuran lawatan itu adalah sebagai satu usaha IPMB untuk mengongsikan ilmu sambil

memberi peluang kepada penduduk kampung melihat lebih dekat teknik pengurusan serta penternakan udang dan ikan di UMS.

"Ia juga sebagai usaha untuk memasyarakatkan ilmu selaras dengan saranan kerajaan kepada institusi pengajian tinggi untuk menggiatkan program

pemindahan ilmu bersama komuniti," katanya.

Beliau turut menyuarakan harapan agar Projek Komuniti Penambahbaikan Stok Udang Galah dan Kempen Kesedaran Sungai Petagas yang dijalankan dengan kerjasama Pejabat Daerah Putatan dapat membantu meningkatkan sosio-ekonomi penduduk



PESERTA Lawatan Pentadbiran Kampung Sungai Petagas diberi penerangan oleh kakitangan IPMB.

PARA peserta lawatan mengambil gambar kenangan bersama Dr Saleem (duduk tengah).



kampung berkenaan selain menambah kesedaran mengenai kepentingan memulihara kebersihan sungai.

Sementara itu, ketua projek komuniti itu Prof Datin Seri Dr Ann Anton ketika menyampaikan taklimatnya berkata, sebanyak 18,000 bibit udang

dilepaskan ke Sungai Petagas sejak Projek Komuniti Penambahbaikan Stok Udang Galah dan Kempen Kesedaran Sungai Petagas bermula pada April 2013.

Justeru, beliau menggesa agar semua ahli komuniti berganding bahu bagi memastikan projek yang dirancang berjalan dengan

lancar.

Pada lawatan itu, ahli rombongan turut melawat ke Akuarium serta Muzium Marin sebelum dibawa mengelilingi seluruh kawasan UMS.

Turut hadir, Penolong Pegawai Daerah Putatan, Hassan Mahali mewakili Pegawai Daerah Putatan.